

Headline	SPNB Dana, MNC Wireless bentuk syarikat usaha sama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	68	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian shahrizan	AdValue	RM 12,892
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,676



SPNB Dana, MNC Wireless bentuk syarikat usaha sama

→ Kerjasama
jadikan rumah
lebih mampu
milik untuk
rakyat

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

SPNB Dana SB (SPNB Dana), unit pembiayaan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan pakar penyelesaian teknologi digital, MNC Wireless Bhd memeterai Perjanjian Langgan & Pemegang Saham (SSA) bagi membentuk syarikat usaha sama ekuiti (JVCO).

Di bawah terma SSA itu, JVCO dibentuk dengan SPNB Dana menguasai 70 peratus pegangan saham manakala MNC Wireless menguasai 30 peratus baki pegangan.

Kerjasama itu menandakan bermulanya hubungan pertambahan jangka panjang antara SPNB dan MNC Wireless apabila kedua-dua syarikat menyertai revolusi industri 'fintech' melalui

pelan induk transformasi digital SPNB, bagi menjadikan rumah lebih mampu milik untuk rakyat.

MNC Wireless merancang melaksanakan proses pendahuluan tunai melalui terbitan hak dengan waran percuma, bagi menjana sehingga RM20 juta untuk melanggan saham keutamaan boleh tebus (RPS) JVCO berkenaan.

Ia bagi membolehkan SPNB Dana menyediakan pembiayaan jangka pendek bayaran pendahuluan kepada pembeli rumah yang layak bagi projek perumahan yang dimajukan oleh SPNB dan kumpulan syarikatnya.

M&A Securities Sdn Bhd dilantik sebagai penasihat prinsipal urusan niaga itu.

JVCO pacu MNC Wireless

Ketua Pegawai Eksekutif MNC Wireless, Christopher Tan, berka-

ta syarikat amat gembira dengan penubuhan JVCO itu kerana perniagaannya akan berkembang sejajar dengan bertambahnya projek yang dibangunkan oleh SPNB.

"Dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM6 bilion ketika ini, SPNB terus menyokong agenda nasional menjadikan perumahan mampu milik untuk rakyat," katanya dalam satu kenyataan.

Pada 28 Ogos lalu, MNC Wireless memeterai Perjanjian Bersyarat bersama mTouche Technology Bhd, sebuah syarikat di Pasaran ACE Bursa Malaysia untuk membangunkan platform teknologi kepada SPNB Dana.

Ia sejajar dengan pelan induk transformasi digital SPNB, bagi meningkatkan pengurusan hubungan pelanggan dan rakan perniagaannya.



Dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM6 bilion ketika ini, SPNB terus menyokong agenda nasional menjadikan perumahan mampu milik untuk rakyat"

Christopher Tan,
Ketua Pegawai Eksekutif
MNC Wireless